

Bertanggungjawab memainkan peranan baik Mahathir pertahan akhbar2 tempatan

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan akhbar-akhbar tempatan sambil mengucapkan terima kasih kerana bertanggungjawab memainkan peranan baik dalam sebuah negara demokratik.

Presiden UMNO itu menegaskan, walaupun para perwakilan bebas menegur akhbar, tetapi janganlah "pukul borong" seolah-olah semua mereka tidak baik.

"Sebenarnya ramai daripada mereka menyiarkan laporan yang baik dan menyedapkan hati kita semua, walaupun kadang-kadang terdapat laporan yang mungkin menyakitkan hati para perwakilan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka petang ini.

Beliau mempertahankan akhbar-akhbar tempatan setelah wakil UMNO Wilayah Persekutuan, Senator Azman Attar Othman dan

wakil Perhubungan UMNO Kedah, Encik Ismail Yaakob "menghentam" akhbar-akhbar yang mereka dakwa menyiarkan laporan tidak benar.

Senator Azman menyifatkan semua laporan akhbar adalah bohong semata-mata malah mendesak Kementerian Dalam Negeri menangkap pengarang-pengarang akhbar tersebut.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau selalunya dituduh mengawal akhbar-akhbar tetapi dakwaan tersebut ternyata tidak benar kerana mereka diberi kebebasan dalam menyiarkan laporan masing-masing.

"Kalau saya kawal akhbar, sudah tentu tidak timbul laporan yang menyakitkan hati para perwakilan," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, akhbar-akhbar mendapat kebebasan menyiarkan laporan masing-masing dan ini membuktikan sikap toleran kerajaan.